

**KOLEJ KOMUNITI KUALA KANGSAR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**PENILAIAN BERTERUSAN
SESI II 2023/2024**

DIPLOMA IN PATISSERIE

**MPU 21042
PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN**

PROJEK

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN UMUM

1. Kertas soalan ini mengandungi **SATU (1)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan.

HASIL PEMBELAJARAN	TAJUK
<p>(HPK 3)</p> <p>Mempamerkan sikap yang positif terhadap isu dan cabaran kontemporari dari perspektif etika dan peradaban. (A3, CLS 4A)</p>	<p>Topik 7: Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Penggerak Kesepaduan Nasional di Malaysia;</p> <p>Topik 8: Peranan Etika dan Peradaban Mendokong Tanggungjawab Sosial di Malaysia;</p> <p>Topik 9: Cabaran Kelestarian Etika dan Peradaban di Dalam Acuan Malaysia.</p>

NAMA : _____
NO PENDAFTARAN : _____
KELAS : _____

/100

Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** halaman bercetak termasuk halaman hadapan.

ARAHAN UMUM TUGASAN

1. Tugas projek ini berbentuk penghasilan video temubual yang dilakukan secara berkumpulan dengan bilangan 3 orang ahli setiap kumpulan.
2. Video perlu dihantar secara .mp4 dan dimuatnaik ke dalam *LMS CIDOS*.
3. Penggunaan aplikasi suntingan video adalah bebas mengikut tema dan kreativiti pelajar seperti *capcut*, *kinemaster*, *filmora* dan sebagainya.
4. Tempoh masa video adalah di antara 5 hingga 10 minit.
5. Video tersebut mestilah mengikut mengandungi perkara berikut:
 - Pengenalan kepada tajuk kursus, nama dan no pendaftaran pelajar.
 - Pengenalan topik yang diberikan.
 - Sesi temubual bersemuka yang dirakam bersama responden.
 - Kesimpulan dan hasil temubual dari ahli kumpulan.

PEMARKAHAN

Rujuk rubrik untuk pemarkahan. Pelajar akan dinilai dari aspek keyakinan diri, kemahiran menghormati, kemahiran komunikasi sosial dan kemahiran agihan masa. Pemberatan markah pada tugas ini ialah 40%.

TARIKH PENGHANTARAN

Tarikh akhir penghantaran video adalah pada **13 Mei 2024 (Isnin)**.

PENALTI

Penghantaran lewat:

- Dalam minggu lanjutan (1 minggu) – 5% potongan markah
- Selepas minggu lanjutan – Tugas **TIDAK AKAN DITERIMA**


SOALAN TUGASAN

TUJUAN

Tugas ini bertujuan untuk menilai KEFAHAMAN pelajar berdasarkan isu-isu yang berkaitan.

KEPERLUAN

Lihat gambar tangkap layar di bawah:



Gambar tangkap layar di atas memaparkan isu tular yang berlaku yang menyentuh isu sensitiviti masyarakat di Malaysia. Berdasarkan tangkap layar tersebut, anda diminta melakukan **temubual** terhadap 3 orang awam dari bangsa pelbagai (Melayu/ Cina/ India/ Lain-lain kaum) berkenaan:

- Kesan penggunaan media sosial tersebut terhadap isu perpaduan kaum di Malaysia.
- Pandangan mereka tentang isu media sosial untuk teknik pemasaran berbentuk negatif dengan menyentuh isu perkauman bagi meraih bilangan tontonan (*views*) yang tinggi dan cepat tular (*viral*). Setuju atau tidak?
- Cadangan mereka terhadap isu ini untuk mengelakkan daripada berlaku isu perkauman dan menjejaskan perpaduan rakyat di Malaysia di masa akan datang.

-KERTAS SOALAN TAMAT-